



Kementerian Pengangkutan Malaysia

---

**TEKS UCAPAN  
YB. DATO' SERI KONG CHO HA  
MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA,  
  
SEMPENA MAJLIS PELANCARAN  
SISTEM TUKAR MILIK SEMENTARA**

**2 APRIL 2012**

---

Terima kasih kepada Pengacara Majlis

Y. Bhg. Datuk Tony Khor  
Presiden  
Persekutuan Persatuan Syarikat Kereta dan Kredit Malaysia (FMCCAM)

YBhg. Dato' Solah Mat Hassan  
Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan Malaysia

Mr. Ganesh Kumar Bangah  
Ketua Pegawai Eksekutif  
eAuto Sdn Bhd

Y. Bhg Dato' Wee Hong  
Presiden  
Persatuan Penedar Motosikal dan Skuter Malaysia (MMSDA)

**Dif-dif Kehormat**

## **Presiden-presiden Negeri dan wakil-wakil**

Persekutuan Persatuan Syarikat Kereta dan Kredit Malaysia (FMCCAM)

## **Pegawai-pegawai Kanan**

### **Jabatan Pengangkutan Jalan**

YBhg. Dato'- Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Persekutuan Persatuan Syarikat Kereta dan Kredit Malaysia (FMCCAM) di atas jemputan ke majlis ini dan tahniah ke atas kejayaan menganjurkan Majlis Pelancaran Sistem Tukar Milik Sementara yang merupakan satu detik bersejarah kepada inisiatif usaha sama Kerajaan, khususnya Kementerian Pengangkutan dan Sektor Swasta.

Merujuk kepada peruntukan Seksyen 13 Akta Pengangkutan Jalan 1987, apabila sesuatu kenderaan ditukar milik secara sukarela, pemunya berdaftar dan pemilik baru perlu memaklumkan kepada JPJ dalam tempoh 7 hari selepas pertukaran dilaksanakan. Namun demikian, pekara ini tidak berlaku sebaliknya pemilik kenderaan menyerahkan kenderaan kepada Syarikat Kenderaan Terpakai atas dasar percaya dan mungkin kerana ghairah untuk mendapatkan kenderaan baru.

Syarikat-syarikat kenderaan terpakai ini hanya merupakan perantara diantara dua pihak berkepentingan iaitu penjual dan pembeli kenderaan. Mereka tidak berhasrat untuk memiliki kenderaan tersebut dan sementara

menunggu pembeli, kenderaan-kenderaan ini bebas bergerak di atas jalan raya dan ini menimbulkan banyak masalah kepada pemilik kenderaan.

Antara aduan yang sering diterima adalah kenderaan telah dilarikan oleh Syarikat Penjual Kenderaan Terpakai tanpa di tukar milik menyebabkan pemilik disenarai hitam oleh bank kerana gagal menjelaskan ansuran bulanan. Ada juga aduan yang melibatkan pemilik kenderaan masih menerima saman di atas kesalahan trafik walaupun kenderaan telah lama dijual. Ini kerana kenderaan masih lagi didaftarkan diatas nama penjual kerana proses tukar milik masih belum dimaklumkan kepada JPJ.

Hadirin yang dihormati,

Menyedari akan hakikat ini, Persekutuan Persatuan Syarikat Kereta dan Kredit Malaysia (FMCCAM) dengan kerjasama Kementerian Pengangkutan telah membangunkan Sistem Tukar Milik Sementara (Interim Transfer of Ownership). Sistem Tukar Milik Sementara ini merupakan inisiatif dan idea dari FMCCAM serta Kementerian Pengangkutan bagimemudahkan orang ramai di dalam urusan jual beli kenderaan dengan Syarikat Kenderaan Terpakai. Di bawah inisiatif ini, penjual yang menjual kenderaan (atau 'trade in') kepada Syarikat Kenderaan Terpakai akan membolehkan mereka terus menukar milik kenderaan kepada syarikat di mana mereka berurusan.

Namun demikian, oleh kerana tujuan utama kenderaan tersebut dibeli adalah untuk tujuan dijual semula dan bukan untuk kegunaan syarikat, maka tukar milik tersebut adalah dibuat secara 'SEMENTARA' iaitu

sehingga menunggu kenderaan terjual. Oleh yang demikian, Kerajaan telah menetapkan tempoh status 'sementara' tersebut adalah tidak melebihi 6 bulan. Jika di dalam tempoh tersebut kenderaan tidak berjaya dijual maka pertukaran milikan tetap akan berlaku kepada Syarikat Kenderaan Terpakai dan status sementara terbatal.

Saya juga difahamkan bahawa Persatuan Pengedar Motosikal dan Skuter Malaysia (MMSDA) juga bersedia untuk menggunakan sistem ini bagi tujuan yang sama. Ini adalah satu langkah yang wajar dan Kementerian mengalu-alukan kesediaan pihak persatuan berkerjasama di dalam menjayakan program ini.

YBhg. Dato'- Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian

Bagi melaksanakan inisiatif ini, Kementerian Pengangkutan telah bersetuju melantik Syarikat e-Auto Sdn Bhd dan Syarikat MyEG Services Berhad untuk membangunkan sistem dan menawarkan perkhidmatan kepada Syarikat-syarikat Kenderaan Terpakai. Kerajaan mengenakan bayaran sebanyak RM 10.00 bagi setiap transaksi dan bayaran perkhidmatan juga akan dikenakan oleh syarikat-syarikat penyedia perkhidmatan. Semua kos yang terlibat disepanjang proses ini akan ditanggung oleh syarikat kenderaan terpakai dan tiada bayaran dikenakan kepada pemilik kenderaan. Sebagai bukti bahawa urusan tukar milik sementara telah dilaksanakan, satu slip pengesahan akan dikeluarkan untuk simpanan pemilik.

Sebagai langkah seterusnya, JPJ sedang di dalam proses membangunkan aplikasi bagi membolehkan semua perkhidmatan sedia ada ditawarkan secara online. Antara aplikasi yang sedang dibangunkan adalah urusan tukar milik. Setelah sistem ini siap untuk digunakan, pemilik kenderaan boleh melaksanakan urusan mereka secara 'online' tanpa perlu ke kaunter JPJ. Inisiatif ini adalah selaras dengan sasaran Kerajaan untuk menyediakan 90% perkhidmatan kerajaan dalam talian (online) menjelang tahun 2015.. Selain dari itu, bagi pemilik kenderaan yang menjual kenderaan terus kepada pembeli, mereka masih boleh terus ke JPJ untuk urusan tukar milik tanpa perlu melalui syarikat kenderaan terpakai.

Hadirin yang dihormati,

Adalah diharapkan agar pelaksanaan Sistem Tukar Milik Sementara akan membantu mempertingkatkan kredibiliti industri kenderaan terpakai dan menambahkan keyakinan orang ramai terhadap industri ini. Persefahaman sebegini penting kerana industri kenderaan terpakai merupakan satu industri yang penting kepada industri otomotif negara keseluruhannya.

Kepada ahli-ahli FMCCAM, ingin saya ingatkan supaya terus memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan-pelanggan dan bertanggungjawab kepada urusan jual beli yang dilakukan. Tuan-tuan dan Puan-puan sekarang akan dianggap sebagai sebahagian dari JPJ oleh orang ramai dan kegagalan Tuan/Puan akan juga memberikan kesan kepada imej Jabatan.

Kepada orang ramai yang ingin menjual kenderaan mereka, saya mengesyorkan agar lebih berhati-hati dan menjual kenderaan mereka kepada Syarikat yang telah berdaftar dan menggunakan sistem tukar milik sementara ini atau terus hadir ke JPJ untuk berurusan. Pastikan semua urusan telah lengkap dan slip pengesahan diberikan untuk simpanan. Elakkan dari berurusan dengan orang tengah dan sila dapatkan khidmat nasihat dari pejabat-pejabat JPJ berhampiran sekiranya perlu.

YBhg. Dato'- Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

Pada pagi yang berbahagia ini, saya dengan ini merasmikan Majlis Pelancaran Sistem Tukar Milik Sementara.

Sekian. Terima kasih